

## SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR ASING

BIL	PERKARA	SYARAT
1	<b>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b>	Wajib berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (ROC)
2	<b>Keupayaan Kewangan</b>	Modal Berbayar : RM750,000.00
3	<b>Personel Teknikal</b>	Minima 2 orang warganegara Malaysia (Salah seorang mesti lebih daripada 5 tahun pengalaman)
4	<b>Kategori/ Pengkhususan</b>	Kategori / Pengkhususan (Sila rujuk jadual tambah pengkhususan)
5	<b>Penarafan SCORE</b>	Penarafan SCORE. Semua kontraktor asing mesti mempunyai sijil SCORE yang masih sah semasa mengemukakan permohonan pendaftaran semula
6	<b>Tempoh Berdaftar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdaftar kali pertama adalah selama 2 tahun</li> <li>• Pendaftaran semula selepas pendaftaran kali pertama adalah mengikut syarat-syarat yang dikenakan</li> </ul>
7	<b>Syarat tambahan pendaftaran semula</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Integriti dan perundangan industri pembinaan di Malaysia</li> <li>• Keperluan mengumpul mata melalui program Pembangunan Kontraktor Berterusan (CCD)</li> </ul>
8	<b>Kadar Fee</b>	RM 1,400.00 / setahun (Kadar ini akan berubah tertakluk kepada pindaan Peraturan-peraturan Pendaftaran Kontraktor)

## **PERAKUAN PENDAFTARAN PROJEK**

Kontraktor asing yang telah dianugerahkan projek wajib untuk mengisytiharkan kerja pembinaan mereka kepada kepada pihak lembaga dan mendapatkan Perakuan Pendaftaran Projek. Berikut adalah syarat bagi Perakuan Pendaftaran Projek

1. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor asing yang masih sah
2. Mempunyai projek
3. Fee pendaftaran adalah sebanyak RM5,000.00 bagi setiap projek
4. Fee proses adalah sebanyak RM50.00 bagi setiap projek

**SYARAT PENDAFTARAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN**  
**KONTRAKTOR ASING (SPKKA)**

Syarat pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Kontraktor Asing adalah seperti pada jadual di bawah:

<b><u>Syarat permohonan SPKKA</u></b>	
<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>
<b>1</b>	Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing (PPKA) yang masih sah dan bebas daripada tindakan tatatertib yang masih berkuatkuasa.
<b>2</b>	Pemegang Saham tidak boleh memiliki ekuiti melebihi 5% dalam mana-mana syarikat lain yang telah mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/SPKKA yang masih sah.
<b>3</b>	Pengarah/Pemilik tidak boleh wujud dalam mana-mana syarikat lain yang mempunyai SPKK/SPKKA yang masih sah.
<b>4</b>	Personel Teknikal/Orang Kompeten/Penama SPKKA tidak boleh wujud dalam mana-mana syarikat lain yang mempunyai SPKK/SPKKA yang masih sah.
<b>5</b>	Mempunyai sijil SCORE dengan penarafan 3 bintang yang masih sah.
<b>6</b>	Penama pada sijil SPKKA mestilah sekurang-kurangnya seorang warganegara Malaysia.
<b>7</b>	Mempunyai pensijilan Contractor's Quality Management System (CMQS) atau ISO 9001:2008/2015 yang masih sah.